



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 20 TAHUN 2009
ELAUN BAHASA ASING

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 22 Tahun 2009 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana berikut:

Perkataan

Kerajaan Malaysia

Diganti Dengan

Kerajaan Kelantan

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh di muat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

(HAJI SHAFIE BIN ISMAIL)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN**
NEGERI KELANTAN


Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 10 Safar 1431H
26 Januari 2010M

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 8/(27)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

- Salinan :
- 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
 - 2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
 - 3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2009

ELAUN BAHASA ASING

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan pemberian Elaun Bahasa Asing kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menggunakan kemahiran bahasa asing semasa berkhidmat di luar negeri atau menjalankan tugas perundingan di peringkat antarabangsa.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1991 (PP 1/ 91) memperuntukkan pemberian Elaun Bahasa Jepun manakala Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2007 (PP 30/ 2007) memperuntukkan pemberian Elaun Bahasa Asing yang meliputi bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kecuali Bahasa Inggeris. Peruntukan pemberian elaun berkenaan adalah kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menggunakan kemahiran bahasa asing dalam menjalankan tugas rasmi dalam bidang perdagangan dan hubungan antarabangsa.

3. Selaras dengan perkembangan perhubungan antarabangsa antara Malaysia dengan negara luar, kemahiran berkomunikasi dengan penggunaan bahasa asing adalah penting dewasa ini bagi membantu memudahkan urusan rundingan diplomatik dan perdagangan. Selaras dengan hasrat tersebut Kerajaan bersetuju supaya pemberian Elaun Bahasa Jepun dan Elaun Bahasa Asing yang ditetapkan di dalam PP 1/ 91 dan PP 30/ 2007 digabung dan ditambah baik.

PELAKSANAAN

Kelayakan

4. Pegawai lantikan tetap, kontrak (*contract of service* dan *contract for service*), sementara, sambilan dan guru sandaran adalah layak diberi Elaun Bahasa Asing sekiranya:

- 4.1 pegawai berkhidmat di luar negeri dan menggunakan kemahiran bahasa asing berkaitan semasa menjalankan tugas; atau
- 4.2 pegawai berkhidmat di Malaysia dan diarah melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa dalam urusan diplomatik atau perdagangan antarabangsa.

Kadar

5. Kadar Elaun Bahasa Asing ditentukan mengikut tahap kemahiran yang dimiliki pegawai berdasarkan sijil yang dikemukakan seperti berikut:

Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Kadar Sebulan Bagi Satu Bahasa (RM)
Asas (<i>Basic</i>)/ Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	150.00
Lanjutan (<i>Advanced</i>)	250.00

Syarat

6. Pemberian Elaun Bahasa Asing ini adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:
 - 6.1 bahasa yang layak untuk pembayaran Elaun Bahasa Asing adalah Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis, Bahasa Rusia, Bahasa Sepanyol dan/ atau bahasa rasmi negara penempatan/ Perwakilan (kecuali bahasa rasmi negara Brunei, Indonesia, Singapura dan Bahasa Inggeris);
 - 6.2 pegawai hendaklah mengemukakan sijil kemahiran bahasa asing yang mengesahkan tahap kemahiran dalam bahasa yang dituntut;
 - 6.3 pegawai menggunakan kemahiran bahasa asing tersebut semasa berkhidmat di luar negeri atau melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan; dan
 - 6.4 jika khidmat penterjemah digunakan, pegawai hanya layak diberi Elaun Bahasa Asing pada tahap asas (*basic*)/ pertengahan (*intermediate*) dan tidak layak diberi Elaun Bahasa Asing pada tahap lanjutan (*advanced*) untuk bahasa berkaitan.
7. Pegawai boleh diberi Elaun Bahasa Asing untuk maksimum dua bahasa berkaitan dalam satu tempoh yang sama tertakluk kepada syarat di perenggan 6.
8. Permohonan Elaun Bahasa Asing hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A.

Kaedah Pembayaran

9. Bagi pegawai yang berkhidmat di luar negeri, pembayaran Elaun Bahasa Asing adalah bagi tempoh perkhidmatan pegawai di Perwakilan yang memerlukan pegawai menggunakan kemahiran bahasa asing berkaitan. Tarikh mula pembayaran adalah sama ada mulai tarikh sijil kemahiran bahasa asing dikeluarkan atau mulai tarikh pegawai melaporkan diri di penempatan, yang mana terkemudian. Pembayaran Elaun Bahasa Asing akan dihentikan sekiranya pegawai tidak lagi menggunakan kemahiran bahasa asing tersebut atau kembali ke Malaysia, yang mana terdahulu. Sekiranya tempoh perkhidmatan yang diambil kira untuk tujuan pembayaran Elaun Bahasa Asing adalah tidak genap bulan kalendar berkaitan, pembayaran hendaklah dibuat secara *proportionate*.

10. Bagi pegawai yang berkhidmat di Malaysia dan diarah melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa dengan menggunakan kemahiran bahasa asing tertentu, pemberian Elaun Bahasa Asing adalah berdasarkan tempoh yang munasabah di mana pegawai menggunakan kemahiran bahasa asing tersebut mengikut jangka masa keseluruhan sesuatu projek rundingan antarabangsa yang dipersetujui dan disahkan oleh Ketua Jabatan berkaitan. Elaun Bahasa Asing dibayar pada kadar satu bulan untuk setiap 30 hari atau kurang bagi jangka masa sesuatu perundingan.

11. Pembayaran Elaun Bahasa Asing hendaklah dihentikan dalam keadaan-keadaan berikut:

Bil.	Keadaan	Kenyataan
(a)	Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji).	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
(b)	Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji).	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.

(c)	Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari.	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
(d)	Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
(e)	Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut.
(f)	Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja.	Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti dan hari-hari tidak hadir bekerja tersebut.
(g)	Pegawai tidak lagi menggunakan bahasa asing dalam menjalankan tugas.	Bayaran dihentikan.

12. Contoh kaedah pembayaran Elaun Bahasa Asing adalah seperti di Lampiran B.

Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan

13. Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan bertanggungjawab untuk mengesahkan bahawa pegawai mempunyai kemahiran dan perlu menggunakan bahasa asing berkaitan serta memenuhi semua syarat yang ditetapkan sebelum meluluskan permohonan Elaun Bahasa Asing.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2009**.


PEMBATALAN

15. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2007** adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

16. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

16 November 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PERMOHONAN ELAUN BAHASA ASING
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2009**

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. NAMA :
2. NO. KAD PENGENALAN/ NO. PASPORT :
3. KEMENTERIAN/ JABATAN :
4. TARIKH MELAPOR DIRI DI PERWAKILAN :
(Bagi pegawai yang berkhidmat di luar negeri)
5. TEMPOH PERUNDINGAN :
(Bagi pegawai yang berkhidmat di Malaysia)

B. ELAUN BAHASA ASING YANG DIPOHON

Bil.	Jenis Bahasa Asing	Tahap Kemahiran	Tarikh Sijil Dikeluarkan
1.			
2.			

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar dan sekiranya khidmat penterjemah digunakan semasa menjalankan tugas rasmi di luar negeri atau melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa, saya hanya layak dibayar Elaun Bahasa Asing pada tahap asas (*basic*) / pertengahan (*intermediate*) dan tidak layak dibayar pada tahap lanjutan (*advanced*).

Tandatangan : Tarikh :

D. KELULUSAN KETUA JABATAN

- (i) Pegawai ini disahkan menggunakan/ tidak menggunakan* bahasa asing di atas dalam menjalankan tugasnya.
- (ii) Pegawai ini disahkan memenuhi/ tidak memenuhi* syarat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 2009.
- (iii) Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan*.

CATATAN:

.....

Nama : Tandatangan :

Jawatan : Tarikh :

Nota: Borang ini hendaklah diisi semula sekiranya pegawai bertukar Perwakilan/ terdapat perubahan maklumat/ setiap tugas perundingan berbeza.

** Potong yang mana tidak berkenaan.*

Contoh Pemberian Elaun Bahasa Asing Mengikut Kelayakan Pegawai

Situasi 1 : Pegawai berkhidmat di luar negeri di mana Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman adalah bahasa pengantara semasa bertugas.

Negara Penempatan/ Perwakilan : Jerman

Tarikh Melapor Diri Di Penempatan : 12 Disember 2009

Bahasa Asing Yang Dimiliki	Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Tarikh Sijil Dikeluarkan
Bahasa Mandarin	Asas (<i>Basic</i>)	3 Mei 2008
Bahasa Jerman	Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	14 Januari 2010

Kelayakan EBA/ Kadar : Bahasa Jerman/ RM150.00 sebulan.
Dibayar mulai 14 Januari 2010. Bagi bulan Januari, pegawai dibayar secara *proportionate* untuk bulan tersebut.

Situasi 2 : Pegawai berkhidmat di luar negeri di mana bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis, Bahasa Rusia, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Inggeris) digunakan sebagai bahasa pengantara semasa bertugas.

Negara Penempatan/ Perwakilan : Geneva, Switzerland

Tarikh Melapor Diri di Penempatan : 3 Mac 2010

Bahasa Asing Yang Dimiliki	Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Tarikh Sijil Dikeluarkan
Bahasa Arab	Lanjutan (<i>Advanced</i>)	4 Julai 2007
Bahasa Perancis	Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	25 November 2009

Kelayakan EBA/ Kadar : (i) Bahasa Arab/ RM250.00 sebulan.
- Dibayar mulai 3 Mac 2010. Bagi bulan Mac, pegawai dibayar secara *proportionate* untuk bulan tersebut. Sekiranya khidmat penterjemah digunakan, pegawai hanya layak dibayar pada tahap asas (*basic*)/ pertengahan (*intermediate*).

- (ii) Bahasa Perancis/ RM150.00 sebulan
 - Dibayar mulai 3 Mac 2010. Bagi bulan Mac, pegawai dibayar secara *proportionate* untuk bulan tersebut.

Situasi 3 : Pegawai berkhidmat di Malaysia di mana pegawai diarah untuk menjalankan tugas-tugas perundingan di peringkat antarabangsa dengan Kerajaan Sepanyol pada 26 Disember 2009 hingga 13 Januari 2010. Tugas penyediaan bagi perundingan tersebut telah dimulakan pada 1 Disember 2009.

Penempatan : Kementerian Luar Negeri

Bahasa Asing Yang Dimiliki	Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Tarikh Sijil Dikeluarkan
Bahasa Mandarin	Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	9 Ogos 2008
Bahasa Sepanyol	Lanjutan (<i>Advanced</i>)	25 April 2009

Kelayakan EBA/ Kadar : Bahasa Sepanyol/ RM250.00 sebulan.

Pengiraan :

Perkara	Tempoh	Pembayaran Sebenar (RM)	Catatan
Proses pra-rundingan/ perundingan	1 Disember 2009 – 30 Disember 2009	250.00	Tempoh diambil kira adalah 30 hari.
	31 Disember 2009 – 13 Januari 2010	250.00	Tempoh diambil kira adalah 14 hari dan dikenakan pembayaran kepada sebulan.

Situasi 4

: Pegawai berkhidmat di Malaysia dan mengajar bahasa Perancis sepenuh masa. Pegawai diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk berunding dengan negara Perancis dalam hal-hal pendidikan bagi pihak Kerajaan Malaysia. Pegawai telah terlibat dengan proses penyediaan tugas perundingan mulai 17 November 2009 hingga selesai proses perundingan pada 15 Disember 2009. Tarikh sebenar perundingan adalah pada 2 Disember 2009.

Penempatan

: Universiti Teknologi Mara

Bahasa Asing Yang Dimiliki	Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Tarikh Sijil Dikeluarkan
Bahasa Perancis	Lanjutan (<i>Advanced</i>)	23 Ogos 2007
Bahasa Jerman	Asas (<i>Basic</i>)	15 Jun 2008

Kelayakan EBA/ Kadar

: Bahasa Perancis/ RM250.00

Pengiraan

:

Perkara	Tempoh	Pembayaran Sebenar (RM)	Catatan
Proses pra-rundingan/ hari perundingan/ proses selepas perundingan	17 November 2009 - 15 Disember 2009	250.00	Tempoh yang diambil kira adalah 29 hari dan pembayaran dikenakan menjadi sebulan.